

# WEKARE VAPORUB

Camphor 5.26%w/w, Menthol 2.82 %w/w, Eucalyptus Oil 2.0 %w/w

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan WeKare Vaporub
2. Bagaimana WeKare Vaporub berfungsi
3. Sebelum menggunakan WeKare Vaporub
4. Cara menggunakan WeKare Vaporub
5. Semasa menggunakan WeKare Vaporub
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan WeKare Vaporub
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

## Apakah kegunaan WeKare Vaporub

Ia digunakan untuk melegakan hidung tersumbat, batuk, sakit otot dan kesakitan yang disebabkan oleh selsema.

## Bagaimana WeKare Vaporub berfungsi

Ia mengandungi camphor, minyak eucalyptus dan menthol.

Menthol dan camphor mempunyai fungsi analgesik dan *rubefacient* yang ringan (*rubefacient* menyebabkan iritasi dan kemerahan pada kulit yang disebabkan oleh peningkatan aliran darah. Rasa ini pada kulit mengalihkan perhatian anda daripada rasa sakit / sakit di dalam otot, sendi)

Minyak eucalyptus juga berfungsi sebagai *rubefacient*.

WeKare Vaporub memberi rasa kehangatan dan kelegaan apabila disapu pada bahagian dada dan bahagian belakang badan. Ia melegakan dan memudahkan pernafasan.

## Sebelum menggunakan WeKare Vaporub

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna sekiranya anda mempunyai alahan terhadap sebarang bahan kandungan dalam WeKare Vaporub.

Jangan gunakan pada kanak-kanak di bawah umur 2 tahun.

### - Sebelum menggunakan

Pada mulanya sapu kuantiti yang kecil pada kawasan kulit yang terhad dan memperhatikan sama ada ketidakelesaian atau kegatalan berlaku sebelum sapu pada kawasan kulit yang luas. Jika iritasi kulit berlaku, sila berhenti gunakannya.

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

### - Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat. Produk ini tidak boleh digunakan pada dada ibu semasa menyusui.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan WeKare Vaporub

### - Berapa banyak perlu digunakan

#### Dewasa:

Sapukan WeKare Vaporub pada bahagian tekak, dada, dan belakang badan apabila perlu. Untuk kelegaan yang lebih berkesan, tambahkan sedikit WeKare Vaporub ke dalam semangkuk air panas (bukan air mendidih) dan sedut wapnya selama 10-15 minit. Apabila menggunakan produk ini, jangan memanaskan atau

microwave produk ini. Jangan menambahkan produk ini ke dalam air mendidih.

### Kanak-kanak berumur 2 tahun dan ke atas:

Sapukan sedikit WeKare Vaporub pada bahagian dada dan belakang badan. Gosok perlahan-lahan dan pakaian haruslah dibiarkan longgar supaya wap ubat ini mudah disedut.

Untuk kegunaan luar sahaja. Tidak boleh dimakan.

### - Bila perlu digunakan

Gunakan ia apabila perlu.

### - Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ia apabila perlu.

### - Jika terlupa menggunakan

Gunakan sebaik sahaja anda teringat.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat jika dos berlebihan telah digunakan.

## Semasa menggunakan WeKare Vaporub

### - Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doctor atau ahli farmasi.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan WeKare Vaporub.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan sapu pada luka terbuka atau kulit yang rosak.
- Jangan panaskan, microwave atau tambah ke dalam air mendidih apabila menggunakan WeKare

# WEKARE VAPORUB

Camphor 5.26%w/w, Menthol 2.82 %w/w, Eucalyptus Oil 2.0 %w/w

---

Vaporub kerana ia boleh menyebabkan kelecuan kulit.

- Jangan gunakan secara meluas pada bahagian badan atau membalut.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan menggunakan produk ini pada kanak-kanak di bawah umur 2 tahun. Perhatian perlu ditegaskan apabila kanak-kanak yang lebih tua dirawat. Jangan meletakkan mana-mana produk yang mengandungi camphor di dalam rongga hidung kanak-kanak. Penggunaan yang sedikit boleh menyebabkan pengsan.

Jauhkan dari bahagian mata dan membran mukus.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain WeKare Vaporub boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan adalah seperti hipersensitiviti dan iritasi kulit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan atau laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

**Cara penyimpanan dan pelupusan WeKare Vaporub**

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Jauhkan dari pancaran terus cahaya. Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi

anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Salap berwarna putih yang mempunyai bau yang khas.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

*Camphor, Menthol, Eucalyptus oil*

- Bahan tidak aktif

*Nutmeg oil, cedar leaf oil, turpentine oil, hard paraffin, white soft paraffin*

- Nombor MAL:

MALXXXXXX

**Pengilang**

Syarikat Wen Ken Drug Sdn Bhd  
24, Jalan Lambak, Taman Johor,  
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Wen Ken Marketing (M) Sdn Bhd  
24, Jalan Lambak, Taman Johor,  
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

06/05/2025

**Nombor Siri**

NPRA (R2) 25/047